



**KETUA SETIAUSAHA**  
(Secretary General)

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
(Ministry of Housing and Local Government)  
Aras 17  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Ruj. Kami : JKT.KS.1400-5/1/1 KLT.3 ( 10 )

Tarikh : 22 April 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENDAFTARAN PENGUSAHA DAN PENGHANTAR MAKANAN JUALAN SECARA DALAM TALIAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pendaftaran Pengusaha Dan Penghantar Makanan Jualan Secara Dalam Talian Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Bersama-sama ini disertakan SOP berkaitan sebagai panduan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)**



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PENDAFTARAN  
PENGUSAHA DAN PENGHANTAR MAKANAN  
JUALAN SECARA DALAM TALIAN DI  
KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
(PBT) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP)**

## **KANDUNGAN**

**1. TUJUAN**

**2. LATAR BELAKANG**

**3. OBJEKTIF**

**4. DEFINISI**

- i. PENGUSAHA**
- ii. PENGHANTAR**

**5. TANGGUNGJAWAB PBT**

**6. TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA**

**7. TANGGUNGJAWAB PENGHANTAR**

**8. KUATKUASA**

**9. LAMPIRAN**

## 1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai kaedah pendaftaran pengusaha dan penghantar makanan jualan secara dalam talian bagi menjalankan operasi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## 2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah mengisytiharkan tempoh PKP berkuatkuasa bermula 18 Mac 2020 bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diminta untuk membangunkan **SOP Pendaftaran Pengusaha Dan Penghantar Makanan Jualan Secara Dalam Talian** sebagai panduan kepada pihak yang berkepentingan seperti PBT, pengusaha, dan penghantar. SOP ini juga bagi memastikan pendekatan PKP berkaitan kawalan pergerakan, penjarakan sosial dan perkumpulan secara beramai-ramai dipatuhi.

## 3. OBJEKTIF

Sebagai panduan pendaftaran kepada PBT, pengusaha dan penghantar yang terlibat dalam perniagaan makanan dalam talian semasa tempoh PKP.

## 4. DEFINISI

### i. **Pengusaha**

Mana – mana syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan secara dalam talian dan menggunakan khidmat penghantar.

### ii. **Penghantar**

Mana – mana individu yang memberikan perkhidmatan penghantaran yang menggunakan motosikal bagi tujuan penghantaran makanan secara dalam talian seperti berikut:-

#### a. **Penghantar Syarikat**

Penghantar yang berkhidmat dengan syarikat perkhidmatan penghantaran makanan yang telah dikategorikan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia seperti *P-Hailing*. Penghantar hanya menggunakan motosikal bagi tujuan penghantaran secara dalam talian seperti *Grabfood, Food Panda, Bungkus It* dan lain – lain.

#### b. **Penghantar Persendirian**

Penghantar yang berkhidmat dengan pengusaha makanan yang berdaftar dengan PBT.

## 5. TANGGUNGJAWAB PBT

- i. Memastikan semua pengusaha dan penghantar berdaftar dengan PBT secara manual atau dalam talian. Walau bagaimanapun, digalakkan pendaftaran secara dalam talian bagi mengurangkan pergerakan.
- ii. Memastikan pengusaha jualan dalam talian berdaftar dengan PBT dan mematuhi UUK PBT yang berkaitan atau syarat pelesenan PBT.
- iii. Permit kelulusan boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk dokumen mengikut kesesuaian seperti surat kelulusan, tag, kod QR dan sebagainya.
- iv. Mengenalpasti dan memantau lokasi tempat pengedaran makanan.
- v. Memastikan pengusaha melantik penghantar yang mematuhi peraturan ditetapkan oleh **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** seperti mempunyai lesen memandu yang sah, cukai jalan, insurans dan lain – lain syarat.
- vi. Memastikan pengusaha mematuhi **Garis Panduan Keselamatan Makanan Bagi Produk Makanan Yang Dijual Secara Dalam Talian, KKM**.
- vii. Menetapkan waktu operasi penghantaran mulai 8.00 pagi hingga 8.00 malam.
- viii. Mengemukakan senarai maklumat semua penghantar makanan yang berdaftar dengan PBT ke PDRM dan Pejabat Kesihatan Daerah untuk rujukan dan pemantauan.

## 6. TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA

- i. Pengusaha perlu mematuhi UUK PBT yang berkaitan atau syarat pelesenan PBT.
- ii. Pengusaha perlu mematuhi **Garis Panduan Keselamatan Makanan Bagi Produk Makanan Yang Dijual Secara Dalam Talian, KKM.**
- iii. Pengusaha wajib mendaftarkan penghantar yang dilantik dengan PBT.
- iv. Pengusaha menyimpan rekod maklumat pesanan.



## 7. TANGGUNGJAWAB PENGHANTAR

- i. Terbuka kepada penghantar yang berkhidmat dengan syarikat penghantaran atau pengusaha persendirian yang mengendalikan perkhidmatan penghantar makanan.
- ii. Mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** seperti mempunyai lesen memandu yang sah, cukai jalan, insurans dan lain - lain syarat.
- iii. Mematuhi peraturan dan **Garis Panduan Keselamatan Makanan Bagi Produk Makanan Yang Dijual Secara Dalam Talian, KKM** seperti memakai penutup muka, menjaga kebersihan diri dan lain – lain syarat
- iv. Melaksanakan *self-regulating health check* secara berkala seperti pemeriksaan suhu badan, mengesan simptom demam, selsema, batuk dan sebagainya.
- v. Tidak dibenarkan bekerja sekiranya didapati tidak sihat.



## **8. KUATKUASA**

SOP ini berkuatkuasa dengan serta merta.

## LAMPIRAN A

### SENARAI SEMAK PENDAFTARAN PENGUSAHA

<b>NO.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>SEMAK</b>
1	Nama	
2	No. Kad Pengenalan	
3	No. Telefon	
4	Alamat Rumah	
5	Alamat Tempat Perniagaan	
6	Jenis Perniagaan	
7	Maklumat Lesen Perniagaan	
8	Maklumat Pemeriksaan Kesihatan	
9	Senarai Penghantar (Lampiran B)	

## LAMPIRAN B

### SENARAI SEMAK PENDAFTARAN PENGHANTAR

<b>NO.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>SEMAK</b>
1	Nama	
2	No. Kad Pengenalan	
3	No. Telefon	
4	Alamat Rumah Penghantar	
5	No. Kenderaan	
6	Jenis Kenderaan	
7	Maklumat Lesen	
8	Nama Dan Alamat Pengusaha	